

Isu dan krisis Perlembagaan Persekutuan 1988

Issues and crisis of the federal constitution 1988

Mohamad Asrol Arpidi Mamat & Ahmad Zainuddin Husin

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,

Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Email: r_pd85@yahoo.com

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk melihat isu dan krisis Perlembagaan Persekutuan serta implikasinya terhadap badan kehakiman, Yang Di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja, perundangan, agama Islam dan gerakan Islam di negara ini dalam krisis Perlembagaan Persekutuan 1988. Krisis Perlembagaan Persekutuan 1988 membawa kepada pengharaman parti UMNO, konflik antara eksekutif dan badan kehakiman dan pindaan perlembagaan bagi mengurangkan bidang kuasa badan kehakiman. Hasil kajian menunjukkan bahawa konflik yang berlaku pada tahun tersebut menyebabkan tercetusnya krisis Perlembagaan Persekutuan 1988 yang akhirnya membawa kepada perluasan kuasa Perdana Menteri. Selain itu, terdapat juga faktor lain yang turut menyumbang kepada tercetusnya konflik dan krisis antaranya adalah kekalahan kes yang melibatkan pihak eksekutif dan kerajaan dalam mahkamah. Atas faktor ini, Perdana Menteri menyifatkan hakim sebagai tidak memihak kepada kerajaan atau anti-kerajaan. Krisis ini juga membawa kepada penggantungan perkhidmatan serta penyingkiran Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas dan dua hakim Mahkamah Agung iaitu Tan Sri Wan Suleiman dan Datuk George Seah. Namun, campur tangan pemimpin politik dalam negara khususnya Perdana Menteri Malaysia terhadap badan kehakiman pada tahun 1988 mencetuskan krisis yang cukup kritikal dan berpanjangan. Pemecatan hakim yang dilakukan oleh Perdana Menteri ketika itu, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui kuasa Yang Di-Pertuan Agong dilihat sebagai cubaan untuk menyekat kebebasan dan mengehadkan bidang kuasa badan kehakiman. Hal yang demikian ini menyebabkan keputusan yang ingin dibuat oleh hakim dikatakan dipengaruhi oleh unsur dan campur tangan pemimpin politik.

Kata Kunci: Badan Kehakiman, Krisis Perlembagaan 1988, Majlis Raja-Raja, Perdana Menteri dan Yang Di-Pertuan Agong.

Abstract

This article seeks to see the issues and crisis of Federal Constitutional and its implications on the judiciary, the Yang Di-Pertuan Agong, the Council of Rulers, the legislative, the Islamic religion and the Islamic movement in the country in the Federal Constitutional crisis 1988. The Federal Constitutional crash of 1988 had led to the ban on UMNO parties, conflict between executive and judiciary, and constitutional amendments to reduce the jurisdiction of the judiciary. The findings showed that the conflict that took place during that particular year had led to the outbreak of the 1988 Federal Constitution which eventually led to the centralization of the Prime Minister's power. In addition, there were also other factors that contributed to the emergence of conflicts and crises such as the defeat of cases involving executives and governments in court. Due to this factor, the Prime Minister had described the judge as being impartial in government or anti-government. The crisis also led to the suspension of the services and removal of the Chief Justice, Tun Salleh Abas and two Supreme Court judges, Tan Sri Wan Suleiman and Datuk George Seah. However, the intervention of political leaders in the country, especially the Prime Minister of Malaysia against the judiciary in 1988, triggered a critical and prolonged crisis. The dismissal of the judge by the Prime Minister, Tun Dr. Mahathir Mohamad, then through the power of the Yang Di-Pertuan Agong was seen as an attempt to restrict freedom and limit the jurisdiction of the judiciary. This was why the decision made by the judge was said to be influenced by the elements and the intervention of political leaders.

Keywords: Judiciary Board, Constitutional Crisis 1988, Council of Rulers, Prime Minister and Yang Di-Pertuan Agong.



Pengenalan

Krisis Perlembagaan Persekutuan yang berlaku pada tahun 1988 merupakan gambaran dan senario yang melibatkan konflik antara eksekutif dan badan kehakiman. Konflik tersebut memperlihatkan penguasaan Perdana Menteri dalam mempengaruhi bidang kuasa kehakiman. Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad. Beliau merupakan Perdana Menteri Malaysia yang keempat bermula pada 16 Julai 1981 sehingga 31 Oktober 2003 (Muhammad Takiyuddin Ismail, 2011 : 57). Beliau merupakan Perdana Menteri Malaysia yang telah mentadbir negara selama 22 tahun dan dengan tempoh ini sekaligus mengangkat beliau sebagai pemimpin negara paling lama yang memegang jawatan kepimpinan tersebut. Penguasaan Perdana Menteri selaku mewakili eksekutif dilihat cuba mengawal dan menghakis bidang kuasa kehakiman, terutamanya berkaitan kebebasan hakim dalam membuat keputusan mahkamah. Kebebasan hakim dalam menyuarakan pandangan dan pendapat disekat melalui pindaan Perlembagaan berkaitan kuasa dan peranan kehakiman pada tahun 1989.

Krisis Perlembagaan yang berlaku pada tahun tersebut melibatkan kawalan, perluasan kuasa serta kesannya yang dilakukan oleh Perdana Menteri terhadap perundangan negara dan khususnya terhadap badan kehakiman dalam cubaan bagi mengehadkan bidang kuasa kehakiman pada tahun 1988. Kajian menunjukkan bahawa generasi kedua politik Malaysia yang sebahagian besarnya diwarnai oleh corak pemerintahan Tun Dr. Mahathir yang pada peringkat awalnya, iaitu bermula pada tahun 1981 memaparkan kecenderungan bersifat liberal dan terbuka. Namun, krisis politik pada 1987 menjadikan Tun Dr. Mahathir memilih untuk memulakan pendekatan kawalan dan tekanan. Beliau bersikap sensitif terhadap kritikan, tidak mengendahkan pandangan kedua dan seringkali mengamalkan pendekatan *unilateral*. Akibatnya, proses pembuatan keputusan menjadi lebih terpusat dan keutamaan diberikan terhadap faktor kestabilan biarpun beliau terpaksa bertindak di luar sempadan kuasa (Muhammad Takiyuddin Ismail, 2011: 57).



Krisis Perlembagaan Persekutuan 1988




Raja Aziz Addruse (1990) dan Tun Salleh Abas & K. Das (1989) menyatakan bahawa peristiwa krisis perlembagaan 1988 ini menyaksikan penggantungan perkhidmatan dan kemudiannya melibatkan penyingkiran Ketua Hakim Negara bersama dua hakim Mahkamah Agung, iaitu Tan Sri Wan Suleiman dan Datuk George Seah atas pertuduhan "salah laku kehakiman". Siri campur tangan Perdana Menteri terhadap sistem kehakiman tahun 1988 di negara ini dilihat semakin memuncak setelah beberapa kes mahkamah didapati tidak memihak kepada pihak eksekutif dan pengharaman terhadap parti *United Malay National Organization* (UMNO) pada tahun 1987. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri mendakwa hakim sebagai anti-Mahathir atau anti-UMNO dan bermulalah konflik antara Perdana Menteri dengan badan kehakiman di negara ini. Faktor serta beberapa isu lain juga turut diketengahkan. Susulan daripada kes ini berlakunya penyingkiran Tun Salleh Abas (Ketua Hakim Negara) serta dua hakim Mahkamah Agung daripada jawatannya. Krisis yang tercetus antara Perdana Menteri dengan badan kehakiman pada tahun 1988 merupakan rentetan daripada peristiwa pada tahun 1987, iaitu pada Perhimpunan Agung UMNO yang ke-38 dan beberapa kes yang menyebabkan berlakunya konflik dan pertentangan antara Tun Dr. Mahathir yang mewakili pihak eksekutif dan Tun Salleh Abas serta hakim Mahkamah Agung yang mewakili badan kehakiman.

Laporan kajian semula krisis kehakiman (2008) menyatakan bahawa dalam krisis tersebut, Perdana Menteri dilihat cuba mengehadkan kebebasan bidang kuasa kehakiman di negara ini. Kemudiannya diikuti dengan campur tangan secara langsung dan tidak langsung Perdana Menteri terhadap sistem kehakiman. Pindaan undang-undang juga dilakukan yang bertujuan untuk menyekat kebebasan kehakiman dan untuk memperluaskan bidang kuasa eksekutif. Zulkafli Mansor (1988/89) menyatakan bahawa pemecatan Tun Salleh Abas kerana didakwa menyebelahi UMNO 11 kesan daripada krisis dalaman UMNO yang menyebabkan UMNO dibawa ke mahkamah dan diisytiharkan sebagai pertubuhan yang tidak sah. Tun Salleh Abas (1989) menyatakan bahawa krisis ini berlaku



disebabkan beberapa faktor yang bermula apabila badan kehakiman menuntut kebebasan serta menuntut agar pihak eksekutif tidak campur tangan dalam isu kehakiman serta berhenti mengkritik badan kehakiman di negara ini. Peter Alderidge Williams (2008) menyatakan bahawa Ketua Hakim negara bertindak menulis surat kepada Yang Di-Pertuan Agong serta menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kritikan oleh Perdana Menteri. Namun, langkah tersebut mendorong kepada masalah yang lebih besar. Berikutan dengan hal itu, Perdana Menteri membentuk tribunal untuk mendakwa Tun Salleh Abas dan badan kehakiman. Oleh yang demikian, langkah penyelesaian yang cuba dilakukan oleh Tun Salleh Abas telah mengorbankan kerjaya beliau sendiri. Tun Salleh Abas dilucutkan daripada jawatannya pada 08 Ogos 1988 selepas enam ahli tribunal yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong mendapati beliau bersalah atas lima pertuduhan yang berhubung kait dengan salah laku.

Rajah 1: Dakwaan Terhadap Tun Salleh Abas



Sumber: Utusan Melayu, 22 Jun 1988.

Rajah 2: Penggantungan Hakim Mahkamah Agung



Sumber: Utusan Melayu, 07 Julai 1988.

James Foong (2002) juga mendakwa bahawa selain peristiwa pada tahun 1987, iaitu pada Perhimpunan Agung UMNO yang ke-38, faktor serta beberapa isu lain juga diketengahkan yang turut membawa kepada timbulnya konflik dan pertentangan antara Perdana Menteri dengan badan kehakiman. Pada 24 April 1987, berlaku suatu detik sejarah yang amat penting dalam politik UMNO. Di Perhimpunan Agung parti ke-38, bekas Timbalan Perdana Menteri, iaitu Musa Hitam bergabung tenaga dengan Tengku Razaleigh Hamzah serta disokong pula oleh sebahagian besar daripada Menteri, Timbalan Menteri serta bekas Menteri, dan bekas Menteri Besar serta ramai lagi untuk mencabar pucuk kepimpinan parti. Dalam Perhimpunan Agung UMNO 1987, sebanyak 133 bahagian UMNO menghadiri perhimpunan tersebut.

Daripada jumlah 133 bahagian UMNO, 89 bahagian mencalonkan Tun Dr. Mahathir untuk jawatan Presiden, manakala Tengku Razaleigh hanya mendapat sebanyak 37 pencalonan sahaja. Ghafar Baba mendapat 74 pencalonan untuk Jawatan Timbalan Presiden manakala Musa Hitam pula mendapat sebanyak 51 pencalonan. Beberapa bahagian lain tidak mengemukakan sebarang pencalonan. Jadual 1 menunjukkan jumlah pencalonan yang diterima oleh calon yang bertanding (Tengku Mahmood Tengku Ismail, 1989/1990 : 200).

Jadual 1 : Bilangan Pencalonan Bagi Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden di Perhimpunan Agung UMNO Ke-38 pada 24 April 1987

Nama Calon	Presiden	Timbalan Presiden	Naib Presiden
Tun Dr. Mahathir	89	-	-
Tengku Razaleigh	37	2	5
Ghafar Baba	1	74	12
Musa Hitam	1	51	1

Sumber: Diubahsuai daripada Dewan Masyarakat. Mei 1987.

Berdasarkan kepada jumlah pencalonan yang diterima oleh Tun Dr. Mahathir, beliau mempunyai bilangan pencalonan jauh lebih banyak daripada Tengku Razaleigh Hamzah. Dalam pemilihan tersebut, Tun Dr. Mahathir mendapat sebanyak 761 undi, manakala pencabarnya, iaitu Tengku Razaleigh mendapat 718 undi. Majoriti yang dimenangi oleh Tun Dr. Mahathir adalah sebanyak 43 undi. Beliau mendapat sebanyak 51.45 peratus sokongan daripada para perwakilan yang berjumlah 1,479 orang. Tengku Razaleigh mendapat sebanyak 48.55 peratus undi (*Far Eastern Economic Review*, 7 Mei 1987 : 13). Gandingannya, iaitu Ghafar Baba mendapat sebanyak 739 undi dan lawannya mendapat sebanyak 699 undi. Majoriti kemenangan adalah sebanyak 41 undi.

Oleh sebab tidak berpuas hati dengan keputusan pemilihan tersebut, pada 26 Jun 1987 ahli UMNO 11 telah memfailkan saman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan meminta Mahkamah mengisytiharkan pemilihan Majlis Tertinggi UMNO yang berlangsung pada 24 April 1987 sebagai tidak sah dan terbatal kerana didapati kegiatan parti tersebut yang bercanggah dengan Akta Pertubuhan 1966 (Khairil Annas Jusoh, 2012 : 30). Langkah ini diambil memandangkan terdapat beberapa perwakilan yang menghadirinya terdiri daripada cawangan yang tidak berdaftar secara sah. Kes saman terhadap UMNO yang dibawa oleh 11 orang ahli UMNO adalah bertujuan untuk menentukan samaada Perhimpunan Agung ke-38 yang berlangsung pada 24 April 1987 sah ataupun sebaliknya. Hal yang demikian ini adalah disebabkan kehadiran 78 perwakilan daripada 7 bahagian UMNO yang tidak sah kerana terdapat 30 cawangan UMNO yang tidak berdaftar menghadiri persidangan bahagian serta memilih perwakilan ke Perhimpunan Agung. Keputusan pemilihan ahli Majlis Tertinggi parti dianggap tidak sah kerana ianya tidak mencerminkan suatu pilihan raya parti yang bersih dan adil (Tengku Mahmood Tengku Ismail, 1989/1990 : 83 & 233). Jadual 2 menunjukkan bilangan mengikut pecahan bahagian UMNO.

Jadual 2 : Jumlah Bahagian UMNO

Negeri	Jumlah Bahagian
Johor	18
Kelantan	13
Perak	23
Selangor	14
Melaka	5
Negeri Sembilan	7
Pahang	10
Pulau Pinang	11
Kedah	14
Perlis	2
Wilayah Persekutuan	8
Terengganu	8
Jumlah	133

Sumber : Dewan Masyarakat, Mei 1987.

Tengku Mahmood Tengku Ismail (1989/1990) menegaskan bahawa ketegangan politik bertambah buruk memandangkan masa depan politik Perdana Menteri tidak dapat dipastikan dan bergantung kepada keputusan Mahkamah Agung. Kesan langsung daripada peristiwa ini menyebabkan UMNO diisytiharkan sebagai sebuah parti yang tidak sah atau diharamkan. Perdana Menteri menyatakan seperti yang berikut:

"Saya sedih untuk menyatakan bahawa UMNO pada masa itu iaitu ketika Perhimpunan Agung pada 24 April lalu) adalah tidak sah. Oleh itu keputusan pemilihan semua peringkat parti itu juga tidak sah".

(Berita Harian. 05 Februari 1988).

Beliau juga menyatakan berkaitan perkara ini dalam akhbar *New Straits Times* seperti yang berikut:

"there should be a seperate law for political parties because political parties are special on their own. Maybe the time has arrived for the making of special laws for the political parties".


(*New Straits Times*. 05 February 1988).

Dewan Pemuda PAS Pusat (Pemuda) (1989) menyatakan peristiwa ini membawa kepada campur tangan dan peristiwa konflik antara pihak eksekutif (Tun Dr, Mahathir) dengan badan kehakiman. Badan Kehakiman dan mahkamah merupakan salah satu cabang kerajaan di negara ini selain daripada eksekutif dan perundangan. Ia memberi gambaran kepada orang ramai dan perspektif masyarakat antarabangsa terhadap sistem pemisahan kuasa yang diamalkan antara eksekutif dan kehakiman di negara ini. Amalan pemisahan kuasa seperti ini juga turut diamalkan oleh kebanyakan negara di dunia yang memisahkan badan kerajaan kepada tiga cabang pentadbiran yang utama iaitu eksekutif, perundangan dan kehakiman. Doktrin pemisahan kuasa ini pada asalnya dikemukakan oleh Montesquieu, seorang ahli falsafah Perancis pada abad ke-18. Menurut doktrin ini, kuasa pemerintahan sesebuah negara dibahagikan kepada tiga buah badan yang bebas iaitu eksekutif, perundangan dan kehakiman. Setiap cabang badan pentadbiran ini tidak boleh melangkaui bidang kuasa badan yang lain. Sistem pemerintahan kerajaan Malaysia dan bidang kuasanya seperti yang berikut:

- i. Badan Pemerintah (*Executive*). Badan ini bertindak menjalankan kuasa eksekutif dan tidak boleh membuat undang-undang dan penghakiman.

- ii. Badan Perundangan (*Legislative*). Badan ini bertindak membuat undang-undang dan tidak boleh menyerahkan kuasa ini kepada mana-mana pihak dan tidak boleh mempunyai kuasa lain.
- iii. Badan Kehakiman (*Judicial*). Badan ini bertindak menjalankan penghakiman dan tidak boleh membuat undang-undang atau menjalankan kuasa eksekutif (*Malaysia Kita*, 2005: 183).

Rajah 3: Doktrin Pemisahan Kuasa



Sumber : Diubahsuai daripada Perlembagaan Persekutuan. (2006)

Metodologi Kajian

Kajian yang dilakukan ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu dengan menganalisis sumber dan maklumat penting dalam bentuk laporan, jurnal ilmiah, ucapan tokoh, akhbar, penyata rasmi Parlimen Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, akta, buletin dan makalah. Melalui pendekatan ini ianya dapat membantu merumuskan sesuatu permasalahan, membuat hipotesis, penyusunan, pengembangan, pengumpulan data, interpretasi data dan lain-lain yang penting dalam sesuatu kajian. Dengan erti kata lain, menerusi metodologi kajian ini, penelitian terhadap peristiwa konflik yang berlaku antara Perdana Menteri dan badan kehakiman akan lebih efisien, terarah, tersusun, mantap dan berkesan. Penelitian terhadap sumber sekunder juga dilakukan dengan merujuk kepada beberapa sumber utama bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan kajian. Sumber sekunder tersebut juga diperoleh melalui buku, tesis dan sumber daripada laman web. Sumber maklumat ini diperoleh daripada Perpustakaan Parlimen Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, sumber daripada jabatan kerajaan dan Arkib Negara Malaysia. Tidak dinafikan bahawa penggunaan doktrin pemisahan kuasa dalam kajian ini juga membantu dalam memahami lebih mendalam berkaitan bidang kuasa antara eksekutif dan badan kehakiman. Kerangka doktrin pemisahan kuasa digunakan untuk mengaitkannya dengan persoalan kajian peristiwa konflik antara dua cabang pentadbiran kerajaan ini. Kerangka ini amat bersesuaian dengan tajuk kajian kerana ianya melibatkan soal krisis pertindihan dan perluasan bidang kuasa dan sebagainya. Kajian ini dilakukan dalam lingkungan sekitar dalaman negara ini sahaja kerana memandangkan perspektif atau skop kajian ini hanyalah merangkumi krisis dalaman pentadbiran negara. Kajian ini juga hanya akan memfokuskan kepada mantan Perdana Menteri (Tun Dr. Mahathir), Tun Salleh Abas (mantan Ketua Hakim Negara), lima hakim Mahkamah Agung yang digantung tugas kerana didakwa melakukan kesalahan salah laku kehakiman, pihak eksekutif dan badan kehakiman negara serta pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam peristiwa krisis ini. Tempoh masa bagi kajian ini adalah pada tahun 1986-1989, iaitu selama tiga tahun bagi melihat suasana hubungan dan konflik antara Perdana Menteri dan badan kehakiman terutama sepanjang berlakunya krisis Perlembagaan Persekutuan. Penilaian dan analisis dilakukan bagi jangka masa tersebut sahaja.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Perdana Menteri: Peranan dan Kuasa

Perdana Menteri Malaysia ialah ketua pemerintahan tertinggi Kerajaan Malaysia dan merupakan Ketua Jemaah Menteri. Secara rasminya Perdana Menteri dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong selaku Ketua Negara dan perantaraan ini pada kebiasaannya adalah daripada pemimpin sesebuah parti politik atau parti komponen terkuat dalam parlimen (Dewan Rakyat) akan dipilih dan dilantik. Sejak kemerdekaan dicapai pada 1957, kesemua Perdana Menteri Malaysia berasal dari parti United Malay National Organization (UMNO) iaitu salah satu parti politik terbesar dalam gagasan Barisan Nasional (BN). Namun, pada Pilihan Raya Umum ke-14 yang diadakan pada tahun 2018 Perdana Menteri dipilih daripada gagasan Pakatan Harapan setelah Barisan Nasional (BN) mengalami kekalahan dalam pilihan raya umum tersebut. Perdana Menteri berkuasa mencalonkan sesiapa sahaja untuk dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong sebagai ahli kabinet. Selain itu, Perdana Menteri juga berperanan mempengerusikan mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan seminggu sekali yang dikenali sebagai mesyuarat kabinet. Sebagai pengerusi, beliau boleh menentu dan mengawal agenda mesyuarat iaitu berkaitan perkara yang boleh dibincangkan dan batas perbincangan bagi perkara tertentu (Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan, 1997: 174).

Perdana Menteri memainkan peranan sebagai ketua pentadbir utama negara. Hal yang demikian ini adalah kerana semua dasar yang diamalkan oleh kerajaan termasuklah kementerian akan diturunkan dari pemerintah yang diketuai oleh seorang Perdana Menteri (Sinar Harian, 04 September 2016). Sebagai ketua pentadbir negara, Perdana Menteri memainkan peranan penting terhadap dasar dan program yang meliputi peningkatan prestasi perkhidmatan awam, mengubah sikap pegawai perkhidmatan awam dan merapatkan hubungan sektor awam dengan swasta. Antara dasar dan program yang dimaksudkan adalah Dasar Pensewastiaan, Dasar Persyarikatan Malaysia, Dasar Pandang Ke Timur, dan Penggunaan Perakam Waktu. Bukanlah mudah untuk memperkenalkan dasar dan program yang ditujukan khas untuk mengubah institusi dan sikap dalam kalangan pegawai perkhidmatan awam yang sudah tertanam sebelum itu. Kejayaan dan penerimaan dasar dan program tersebut mempamerkan kebijaksanaan, kualiti kepimpinan dan kewibawaan seseorang Perdana Menteri sebagai ketua pentadbir utama negara.

Perdana Menteri sudah pastinya merupakan ketua sebuah parti politik. Dalam sistem demokrasi yang didokong oleh persaingan parti politik, asas untuk menjadi Perdana Menteri terletak pada kejayaan parti pimpinan beliau memungut kerusi terbanyak dalam setiap kali pilihan raya umum. Keadaan inilah yang memudahkan tugas Yang Di-Pertuan Agong untuk melantik Perdana Menteri. Oleh itu, baginda tidak perlu menggunakan budi bicara tetapi perlu mematuhi konvensyen dan amalan biasa, iaitu ketua parti politik yang memenangi majoriti kerusi parlimen dijemput untuk membentuk sebuah kerajaan. Sebelum ini, ketua parti UMNO, iaitu parti komponen Barisan Nasional dilantik sebagai Perdana Menteri dan dijemput untuk menubuhkan kerajaan. Namun, Pilihan Raya Umum ke-14 sebaliknya yang berlaku apabila Perdana Menteri dilantik daripada gagasan Pakatan Harapan. Hal yang demikian ini disebabkan oleh Pakatan Harapan berjaya memenangi Pilihan Raya Umum pada tahun 2018. Kepelembagaan parti yang menganggotai sesuatu gagasan juga memberi batas tertentu kepada seorang Perdana Menteri. Satu daripada batasan ini ialah bahawa seorang Perdana Menteri perlu mengambil kira perwakilan dari semua parti anggota apabila membuat pencalonan bagi mengisi keanggotaan Jemaah Menteri. Oleh hal yang demikian, Perdana Menteri tidaklah mempunyai kebebasan yang melebihi had yang sepatutnya. Kebebasan Perdana Menteri untuk memecat seorang menteri juga adalah terikat kepada dasar politik sesuatu gagasan yang dibentuk (Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan, 1997: 176).

Perdana Menteri juga merupakan seorang pegawai diplomatik utama negara. Oleh itu, beliau memainkan peranan menjaga hubungan dengan negara luar antaranya ialah seorang Perdana Menteri berperanan menentukan negara mana yang akan mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia, termasuklah meletak dan menentukan taraf perwakilan di sesuatu negara luar tersebut. Selain itu,



peranan Malaysia di arena antarabangsa juga ditentukan oleh seorang Perdana Menteri. Oleh hal yang demikian, kejayaan Malaysia di arena antarabangsa lebih bergantung kepada personaliti dan daya kepimpinan seorang Perdana Menteri. Pada tahun 1990, Malaysia mengukir nama di arena antarabangsa kesan daripada kepimpinan dinamik dan unggul Tun Dr. Mahathir Mohamad (Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan, 1997: 178). Berikut merupakan senarai Perdana Menteri Malaysia sejak kemerdekaan dicapai sehingga kini.

Jadual 3 : Senarai Perdana Menteri Malaysia

Perdana Menteri	Tempoh Memegang Jawatan	Bil. Tahun
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	1955-1957	2
Tun Abdul Razak Hussein	1957-1970	13
Tun Hussein Dato' Onn	1970-1976	6
Tun Dr. Mahathir Mohamed	1976-1981	5
Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi	1981-2003	22
Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak	2003 – 2009	6
Tun Dr. Mahathir Mohamed	2009 – 2018	9
Tun Dr. Mahathir Mohamed	Kini	-

Sumber: Dubahsuai daripada Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan. (1997)

Implikasi Konflik

Krisis perlembagaan 1988 membawa kepada kejatuhan institusi kehakiman di negara ini, terutamanya apabila pindaan Perlembagaan Persekutuan dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa kehakiman. Ketua Hakim Negara dan dua Hakim Mahkamah Agung juga di gantung dan di pecat daripada jawatannya dalam konflik tersebut. Berdasarkan kepada penguasaan Perdana Menteri, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam konflik yang berlaku, beberapa implikasi atau kesannya dapat diperhatikan kepada pihak yang terlibat seperti yang berikut.

Implikasi Terhadap Kehakiman

Krisis Perlembagaan Persekutuan tahun 1988 memberi kesan atau implikasi yang cukup dominan terutamanya terhadap sistem kehakiman di negara ini. Krisis perlembagaan yang berlaku sinonimnya dikaitkan dengan percaturan kuasa antara eksekutif dan badan kehakiman, namun ianya juga turut memberi kesan kepada pihak lain yang berkaitan. Implikasi krisis ini terhadap badan kehakiman seperti yang berikut.

Sistem Kehakiman Dipengaruhi Eksekutif

Isu penyingkiran bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas telah mematikan kepercayaan sekian lama orang ramai bahawa pihak berkuasa kehakiman di negara ini adalah bebas daripada eksekutif serta pengaruh politik. Sungguhpun satu tribunal ditubuhkan seperti yang diperuntukkan di bawah Artikel 125 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan pada 01 Jun 1988 bagi menyiasat dan memberi syor sama ada bekas Ketua Hakim Negara patut dipecat ataupun tidak (*New Straits Times*, 22 June 1988 & Lajnah Penerangan dan Dakwah, 1989 : xxxviii-xxxix). Dasar Kedaulatan Undang-undang (Rule of Law) serta keadilan asas (natural justice) telah diketepikan yang mana pihak yang menuduh berpeluang memilih hakim untuk menghakimi diri yang tertuduh. Ada di antara Ahli Tribunal yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong disyaki mempunyai kepentingan dan sememangnya terlibat dalam salah satu tuduhan terhadap bekas ketua hakim, manakala beberapa ahli yang dilantik adalah tidak setaraf kedudukannya (Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 02 November 1988: 7236-7237).



Kriteria perlantikan ahli tribunal sama ada hakim dari dalam atau luar negeri haruslah mengikut syarat yang sama dan bukan syarat yang lebih ketat bagi hakim luar negeri, sementara kelayakan hakim tempatan dikira berdasarkan darjat yang berlainan. Tribunal yang bermula mengikut asas penyiasatan bertukar di tengah jalan menjadi satu pengadilan mahkamah di mana Ketua Peguam Negara menjalankan kedua-dua watak pendakwa serta saksi di bawah kepura-puraan mengemukakan persembahan (submission) kepada panel hakim. Kebebasan tribunal daripada pengaruh politik juga di sangsi kerana *standard* bukti yang diterima oleh tribunal adalah bersifat "ujian kebarangkalian" atau *probability test*. Ketelusan dalam penyiasatan seharusnya diamalkan kerana tugas menyiasat dan memecat seseorang hakim, apatah lagi Ketua Hakim Negara adalah amat berat. Akibat daripada ketidaktelusan, pihak tertuduh tidak akan menerima keadilan yang sewajarnya.

Kemusykilan ini timbul disebabkan Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan secara terperinci dan jelas berkaitan fungsi serta prosedur penubuhan sesebuah tribunal. Hal yang demikian ini adalah disebabkan tribunal yang ditubuhkan pada 11 Jun 1988 tersebut adalah tribunal yang pertama kali ditubuhkan sejak negara ini mencapai kemerdekaan, tambahan lagi peristiwa ini berlaku tanpa diduga, iaitu Ketua Hakim Negara akan dipecat daripada jawatannya. Kandungan perlembagaan ketika itu tidak menjelaskan fungsi yang harus diamalkan oleh tribunal dan seterusnya tugas serta peranannya. Perkara lain adalah berkenaan perlantikan ahli tribunal yang mana perlembagaan ketika itu tidak menamakan pihak yang seharusnya menasihatkan Yang Di-Pertuan Agong. Dimaklumkan bahawa semasa tribunal melakukan siasatan kes bekas Ketua Hakim Negara, Perdana Menteri, Peguam Negara serta Timbalan Ketua Hakim Negara bersama-sama memilih calon tribunal. Hal yang demikian ini dilihat melanggar prinsip keadilan asas, Perlembagaan Persekutuan secara jelas memperuntukkan bahawa doktrin pengasingan kuasa mestilah dipatuhi (Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 02 November 1988: 7238).

Penyingkiran Tun Salleh Abas

Pada 25 Mei 1988, Perdana Menteri mengutus surat kepada Yang Di-Pertuan Agong dan menyatakan bahawa atas alasan bahawa kelakuan Tun Salleh Abas dan faktor keupayaan fizikal yang menunjukkan bahawa beliau tidak lagi berupaya menjalankan tugas dan fungsi beliau selaku Ketua Hakim Negara dengan sewajarnya seperti yang dihuraikan dalam Lampiran A surat tersebut, beliau seharusnya disingkirkan dari jawatannya. Lampiran A kepada surat tersebut mengandungi dakwaan yang membentuk empat pertuduhan di hadapan Tribunal Pertama, khususnya ucapan Tun Salleh Abas pada 1 Ogos 1987 (Laporan Panel Tokoh Terkemuka, 26 Julai 2008: 20).

Berdasarkan situasi kes ini, faktor pemecatan Ketua Hakim Negara juga dilakukan berikutan kenyataan beliau dalam surat kepada Yang Di-Pertuan Agong berkaitan kritikan Perdana Menteri terhadap badan kehakiman, iaitu *"The accusations and comments have brought shame to all of us and left us mentally disturbed to the extent of being unable to discharge our functions orderly and properly"*. Kenyataan ini membawa maksud *"tuduhan dan kenyataan yang dibuat telah memalukan kami dan telah meninggalkan kesan kekacauan mental sehinggakan kami tidak dapat menjalankan tugas kami dengan tertib dan teratur"*. Oleh hal yang demikian, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 125 (3) menyatakan bahawa pemecatan hakim boleh dilakukan disebabkan salah laku dan juga ketidakupayaan tubuh atau pemikiran atau lain-lain sebab yang menghalangnya untuk menjalankan tugas dengan baik dan saksama.

Perdana Menteri mengutus surat dan meminta Yang Di-Pertuan Agong untuk menggantung perkhidmatan Tun Salleh Abas di bawah Perkara 125(5) mulai dari hari yang berikutnya sementara menunggu penubuhan sebuah tribunal di bawah Perkara 125(3), Perlembagaan Persekutuan. Pada hari yang sama, Yang Di-Pertuan Agong membalas surat Perdana Menteri dan bersetuju untuk menubuhkan sebuah tribunal dan menitahkan penggantungan perkhidmatan Tun Salleh Abas bermula pada 26 Mei. Kandungan surat tersebut juga menyatakan bahawa perlantikan tribunal dibuat di bawah Perkara 125 (3) dan penggantungan diarahkan di bawah Perkara 125(5) Perlembagaan Persekutuan.



Penyingkiran Hakim Mahkamah Agung

Sebuah lagi tribunal dilantik pada 12 Ogos 1988 iaitu Tribunal Kedua mengikut Perkara 125 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan untuk menyasiat dan mengemukakan satu laporan kepada Yang Di-Pertuan Agong mengenai beberapa tuduhan terhadap Hakim Mahkamah Agung pada ketika itu iaitu Tan Sri Wan Suleiman bin Pawan Teh (Tan Sri Wan Suleiman), Datuk George Edward Seah (Datuk George Seah), Tan Sri Dato' Haji Mohd. Azmi bin Dato' Hj. Kamaruddin, Tan Sri Dato' Seri Eusoffe Abdoolcader dan Tan Sri Dato' Wan Hamzah bin Hj. Mohd. Salleh. Pada 5 Julai, Tan Sri Dato' Abdul Hamid Omar selaku Pemangku Ketua Hakim Negara, selepas rundingan dengan Perdana Menteri membuat cadangan kepada Yang Di-Pertuan Agong untuk pemecatan 5 Hakim Mahkamah Agung ini atas alasan salah laku kehakiman kerana membenarkan perintah yang bertarikh 2 Julai. Cadangan ini diterima pada hari yang sama oleh Yang Di-Pertuan Agong dan baginda mengarahkan penubuhan Tribunal Kedua. Penggantungan hakim ini berkuat kuasa pada hari berikutnya, iaitu pada tarikh 6 Julai 1988.

Tribunal Kedua melalui laporannya yang bertarikh 23 September 1988 mencadangkan kepada Yang Di-Pertuan Agong supaya Tan Sri Wan Suleiman dan Datuk George Seah disingkirkan dari jawatan mereka sebagai Hakim Mahkamah Agung dan ekoran daripada itu mereka disingkirkan (Laporan Panel Tokoh Terkemuka, 26 Julai 2008 & Lee, H. P., 1990 : 51).

Implikasi Terhadap Kedudukan dan Bidang Kuasa Yang Di-Pertuan Agong

Yang Di-Pertuan Agong merupakan ketua utama negara bagi persekutuan. Baginda diberi keutamaan daripada semua orang di dalam persekutuan dan tidak boleh dikenakan sebarang prosiding dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas (Perlembagaan Persekutuan, 2006: 43). Kedudukan dan kuasa Yang Di-Pertuan Agong ini menurut apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.



Penyalahgunaan Kedudukan Yang Di-Pertuan Agong

Penggubal Perlembagaan Persekutuan 1957 memberikan kuasa melantik para hakim, membubarkan parlimen dan melantik ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam diserahkan kepada Yang Di-Pertuan Agong ketika perlembagaan digubal. Hal yang demikian ini disebabkan oleh Yang Di-Pertuan Agong dan raja tidak bergantung kepada ahli politik bagi menentukan kedudukan mereka dan sekiranya bidang kuasa ini diserahkan kepada ahli politik mungkin ianya menggunakan kuasa tersebut bagi faedahnya sendiri dan akan menjejaskan kepentingan orang ramai. Barulah kini kita menyedari betapa dahsyatnya pindaan perlembagaan yang dilakukan dengan memberi peluang kepada campur tangan politik terutamanya dalam soal perlantikan para hakim (Lajnah Penerangan dan Dakwah, 1989 : 153).

Kuasa yang diberikan kepada Yang Di-Pertuan Agong ketika perlembagaan digubal ditarik balik dan kuasa yang sepatutnya tidak diberikan kepada baginda, didakwa merupakan kuasa baginda dengan tujuan untuk melindungi perbuatan demi kepentingan peribadi ahli politik. Oleh itu, baginda diberikan kuasa mutlak yang tidak dikurniakan kepadanya ketika perlembagaan digubal. Hal yang demikian ini dilihat bertentangan secara jelas dengan peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan sebelum itu oleh mahkamah tempatan. Dalam kes Tun Salleh Abas, Mahkamah Agung menggesa cara menggunakan nama Yang Di-Pertuan Agong dengan menetapkan bahawa penggunaan kuasa Yang Di-Pertuan Agong tidak boleh dipersoalkan. Begitu juga dengan pengamalan konsep baharu yang digunakan, iaitu perintah raja yang digunakan oleh ahli politik dengan tujuan supaya mereka tidak disoal atas sikap ketidakadilan mereka (Lajnah Penerangan dan Dakwah, 1989: 154).

Implikasi Terhadap Majlis Raja-Raja

Dalam krisis Perlembagaan Persekutuan yang berlaku pada tahun 1988, Majlis Raja-Raja juga turut dilibatkan dalam percaturan dan krisis ini. Peranan dan kedudukan raja-raja yang berkecuali sebelum



itu turut diheret sama dalam percaturan politik. Sebelum berlakunya krisis perlembagaan 1988, raja-raja tidak dilibatkan dalam politik, namun situasi ini dilihat mula berubah pada akhir tahun 1980an.

Penyalahgunaan Kedudukan dan Kuasa Majlis Raja-Raja

Majlis Raja-Raja yang sepatutnya tidak terlibat dengan politik telah berpecah dalam kalangan anggotanya dan ada antara mereka yang mula melibatkan diri dalam politik. Yang Di-Pertuan Agong pula dilihat diperalatkan untuk campur tangan di dalam badan kehakiman. Terdapat sebilangan raja-raja yang berusaha untuk memulihkan kedudukan Tun Salleh Abas sehingga terpaksa menyingkirkan Yang Di-Pertuan Agong. Selain itu, ahli dari Majlis Raja-Raja dilibatkan dalam politik oleh Perdana Menteri untuk menyingkirkan hakim yang dilantik selepas perundingan dengan mereka dan tidak boleh diambil tindakan ke atasnya tanpa perundingan terlebih dahulu dengan majlis itu. Majlis tersebut juga dikatakan dipengaruhi oleh politik UMNO (Baru) bagi memastikan pengganti kepada Yang Di-Pertuan Agong adalah seorang yang berada di pihak Perdana Menteri dan kerajaan (Lajnah Penerangan dan Dakwah, 1989: 155).

Hakikatnya, penggubal Perlembagaan Persekutuan mewujudkan jawatan Yang Di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja adalah sebagai suatu bentuk pertahanan rakyat daripada pihak eksekutif dan kerajaan yang melampaui kuasa dan mengutamakan kepentingan sendiri. Namun, pengaruh serta sumbangan Majlis Raja-Raja ke arah kestabilan dan kesinambungannya dilihat semakin merosot. Hal yang demikian ini adalah kerana terdapat sebilangan daripada ahli Majlis Raja-Raja yang telah dipengaruhi oleh pihak eksekutif dan parti politik.

Implikasi Terhadap Perundangan Negara

Undang-undang Persekutuan atau akta juga turut mengalami perubahan dan pindaan kesan daripada krisis yang berlaku. Beberapa akta yang berkaitan dipinda bagi tujuan tertentu terutama bagi menjaga kepentingan ahli politik dalam proses mengekalkan dan meluaskan kuasa. Tun Dr. Mahathir berpandangan bahawa kuasa kehakiman terbatas hanya kepada peruntukan undang-undang yang digubal oleh kerajaan sahaja di parlimen. Oleh itu, sebarang idea berhubung keadilan asasi atau *natural justice*, *common law* dan sistem perundangan British ditolak dan elemen yang berkehendakkan kebebasan tidak akan dikompromi. Cadangan Tun Dr. Mahathir untuk meminda peruntukan Perkara 121 ini bukan sahaja telah dibantah di Dewan Rakyat memandangkan ianya akan merosakkan nadi serta struktur asas sistem kerajaan di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan (Kevin & Ann., 2010: 507).

Pindaan Terhadap Akta Pertubuhan 1966

Beberapa seksyen dalam Akta Pertubuhan 1966 dipinda bagi membolehkan UMNO (Baru) menuntut harta UMNO yang asal. Seksyen 17 Akta Pertubuhan 1966 dipinda dengan memberi kuasa kepada Pemegang Amanah Harta bagi memindahkan segala harta dan beban hutang kepada mana-mana pertubuhan yang mempunyai perlembagaan seakan-akan sama dengan perlembagaan asal dan mempunyai keahlian yang lebih separuh daripada pertubuhan yang asal (Akta Pertubuhan 1966, 1966 : 31). Akta Pertubuhan 1966 juga dipinda dengan menghalang membawa mana-mana pertubuhan ke mahkamah. Segala masalah yang timbul mengenai pertubuhan politik hendaklah diselesaikan oleh pertubuhan tersebut sendiri mengikut peruntukan perlembagaan parti masing-masing. Mereka juga boleh merujuk sebarang masalah yang timbul kepada menteri dan jika mereka tidak berpuas hati dengan keputusan pendaftar, mereka boleh merayu kepada menteri untuk dipertimbangkan. Mahkamah tidak boleh lagi dijadikan tempat untuk menuntut keadilan bagi kes yang melibatkan masalah parti politik (Tengku Mahmood Tengku Ismail, 1989/1990 : 263). Hal yang demikian ini menunjukkan bahawa cubaan eksekutif untuk mengeneipkan tugas hakim dan mahkamah.



Pindaan Ke atas Kandungan Perlembagaan Persekutuan 1988

Pindaan Perkara 121 bertujuan untuk menghapuskan kuasa membuat "interpretasi" yang ada pada mahkamah. Salah satu implikasi penting pindaan perlembagaan yang dilakukan adalah berhubung kait dengan badan kehakiman di dalam Perkara 121. Dua aspek penting yang menjadi perhatian adalah membuang frasa kuasa Kehakiman Persekutuan daripada Mahkamah Tinggi dan menafikan bidang kuasa Mahkamah Tinggi di dalam sebarang perkara yang di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah (Rais Yatim, 1994: 116). Berikut adalah merupakan ucapan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir berkaitan perkara ini:

".....kita bersetuju menjadikan Perlembagaan bertulis sebagai sumber undang-undang dan kuasa tertinggi sekali. Tetapi interpretasi semua undang-undang dan Perlembagaan yang bertulis diserahkan kepada mahkamah tanpa had. Ini bermakna bahawa sebenarnya Perlembagaan yang bertulis tertakluk kepada budi bicara kehakiman yang kadang-kadang bertukar-tukar dan berbeza antara satu hakim dengan hakim yang lain"(Utusan Malaysia, 18 Mac 1988 : 8).

Selain itu, juga Perdana Menteri Malaysia menegaskan dalam ucapannya di Dewan Rakyat pada 03 Disember 1987 sebagaimana berikut:

"Demikian juga dengan undang-undang lain yang tidak bertulis "Natural Justice" atau "Keadilan Asasi" boleh ditafsir dengan bermacam-macam tafsiran mengikut budi bicara pengadil yang terlibat." (Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 03 Disember 1987: 16576).

Dengan adanya kuasa membuat interpretasi ini, Perdana Menteri menganggap kemungkinan untuk mahkamah membuat interpretasi yang jauh menyimpang daripada maksud dan semangat sesuatu undang-undang tersebut digubal adalah tinggi. Mahkamah membuat keputusan bahawa dalam menguatkuasakan undang-undang, mereka tidak terikat dengan tujuan dan maksud undang-undang tersebut digubal oleh kementerian. Perdana Menteri mendakwa bahawa hakim membuat dasar sendiri dan mereka hanya terikat dengan interpretasi terhadap ayat undang-undang. Oleh itu, segala ketetapan, penerangan dan perbahasan dalam parlimen adalah sia-sia. Beliau kesal dengan sikap hakim yang membelakangkan undang-undang bertulis. Kadangkala hakim sendiri yang membuat tafsiran yang berlainan atau mengetepikan undang-undang yang sedia ada (Zulkafli Mansor, 1988/89: 120).

Implikasi Terhadap Agama Islam dan Gerakan Islam

Islam merupakan agama rasmi persekutuan di negara ini. Krisis perlembagaan 1988 turut meninggalkan kesan terhadap agama Islam itu sendiri. Hal yang demikian ini dapat dilihat melalui usaha dan tindakan Perdana Menteri dan pihak eksekutif dalam mempengaruhi pengembangan dan gerakan Islam di negara ini. Pertuduhan yang dibuat dalam laporan tribunal dan tindakan yang diambil terhadap Ketua Hakim Negara telah menggambarkan perspektif Perdana Menteri dan pihak eksekutif secara amnya. Situasi ini sudah cukup untuk mempengaruhi gerakan pengembangan terhadap perundangan Islam.

Kesan kepada Agama Islam dan Gerakan Islam

Sebagai seorang yang beragama Islam adalah wajar bagi Tun Salleh Abas menyeru supaya dilaksanakan undang-undang Islam di negara ini. Namun, sebaliknya yang berlaku apabila Perdana Menteri menjadikan usaha menegakkan Undang-undang Syariah untuk dilaksanakan di negara ini merupakan suatu kesalahan jenayah yang mesti di hukum. Hal yang demikian ini dapat dilihat apabila Perdana Menteri menjadikan kenyataan Tun Salleh Abas yang menyeru supaya Undang-undang Syariah dilaksanakan di negara ini sebagai bahan tuduhan dalam kes pemecatan beliau. Tindakan mengheret Ketua Hakim Negara ke dalam perbicaraan di mahkamah sebagai individu yang



melakukan kesalahan kerana mahukan undang-undang Islam dilaksanakan membuktikan bahawa kempen penerapan nilai Islam yang digembar-gemburkan dalam pentadbiran negara ini seumpama gula-gula pilihan raya dalam usaha untuk memancing undi mereka yang cenderung kepada Islam. Namun, kesan serius lain yang dapat dilihat adalah timbulnya keyakinan dalam masyarakat bahawa undang-undang Islam tidak sesuai untuk dilaksanakan di negara ini. Keyakinan yang disebarkan oleh UMNO diperkuatkan melalui tuduhannya terhadap Ketua Hakim Negara. Pendirian ini menjadi pandangan politik yang terus menghalang usaha pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini (Lajnah Penerangan dan Dakwah, 1989 : 150). Hal yang demikian ini dilihat menjadi lebih rumit apabila Perdana Menteri menganggap bahawa tindakan Tun Salleh Abas yang mencadangkan pelaksanaan undang-undang Islam telah menimbulkan keresahan dalam masyarakat bukan Islam di negara ini. Bahkan ianya disifatkan sebagai perkara yang mengancam keselamatan awam.

Sehingga kini, pemimpin UMNO hanya menyatakan bahawa undang-undang Islam tidak sesuai untuk dilaksanakan di negara berbilang kaum ini apabila Parti Islam SeMalaysia (PAS) menuntut pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, belum ada undang-undang diluluskan di negara ini yang menyatakan bahawa pelaksanaan undang-undang Islam mengancam keselamatan awam dan merupakan suatu kesalahan jenayah. Sebarang tuntutan untuk pelaksanaan undang-undang Syariah akan ditolak atas alasan untuk menjaga kepentingan orang bukan Islam di negara ini atau masyarakat Malaysia adalah merupakan masyarakat majmuk yang berlainan budaya dan agama. Perkara ini tidak seharusnya dijadikan alasan kerana kita seharusnya memandang ke arah negara Islam Madinah. Nabi Muhammad S.A.W dapat melaksanakan undang-undang Islam di Madinah dengan sebaiknya yang juga merupakan terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama yang berbeza. Hal yang demikian ini adalah selaras dengan agama rasmi di negara ini yang merupakan agama Islam.

Analisis Dapatan Kajian

Pemecatan Ketua Hakim Negara dan Hakim Mahkamah Agong daripada jawatannya yang didakwa melalui kuasa Yang Di-Pertuan Agong ini dianggap telah melangkaui peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan. Ianya juga dilihat sebagai suatu pencerobohan terhadap bidang kuasa pihak berkuasa kehakiman di negara ini. Melalui pindaan ke atas Akta Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri menginginkan agar segala kawalan terhadap mahkamah dan keputusan mahkamah tertakluk di bawah kawalan pihak eksekutif dan kerajaan secara tidak langsung. Dengan kata lain, setiap keputusan yang dibuat di mahkamah terutama kes yang melibatkan pihak eksekutif dan kerajaan adalah dipengaruhi oleh Perdana Menteri dan pihak eksekutif. Hal yang demikian ini dilakukan berdasarkan kepada kekalahan bagi kes mahkamah yang melibatkan pihak eksekutif dan kerajaan sebelum itu. Selain itu, Perdana Menteri menginginkan supaya anggota badan kehakiman termasuklah Ketua Hakim Negara dan juga Yang Di-Pertuan Agong adalah cenderung berada di pihaknya atau di pihak eksekutif dan kerajaan pada ketika itu.

Melalui penggunaan konsep perintah Yang Di-Pertuan Agong atau raja juga merupakan satu manifestasi politik yang digunakan oleh Perdana Menteri dalam krisis ini bagi menyingkirkan mana-mana hakim yang dilihat tidak memihak kepadanya serta pihak eksekutif dan kerajaan. Melalui penggunaan kuasa dan kedudukan Yang Di-Pertuan Agong ini akhirnya Perdana Menteri berjaya menyingkirkan Ketua Hakim Negara dan dua Hakim Mahkamah Agung yang didakwa sebagai anti-Mahathir atau anti-kerajaan. Dalam konflik antara Perdana Menteri dan badan kehakiman, kedudukan Majlis Raja-Raja juga turut disalah gunakan untuk kepentingan dan kesinambungan kuasa politik. Hal yang demikian ini dapat dilihat apabila Perdana Menteri dikatakan turut mengheret dan mempengaruhi majlis ini ke kancah politik supaya majlis ini akan sentiasa berada di bawah pengaruh parti politik seperti UMNO (Baru). Dengan kata lain majlis ini akan berada di bawah telunjuk ahli politik yang mempunyai kepentingan tertentu. Keadaan ini memudahkan lagi Perdana Menteri dan pihak eksekutif mengawal badan kehakiman di negara ini. Hal ini tidak sepatutnya berlaku dalam sebuah negara yang mengamalkan konsep pemisahan kuasa dan kebebasan kehakiman. Selain itu, kepercayaan orang ramai berkaitan keupayaan badan kehakiman dalam membuat keputusan dan untuk berlaku adil dalam kes mahkamah adalah diragui kerana badan kehakiman ketika itu sebenarnya dikongkong oleh pihak yang mempunyai kepentingan tertentu. Tidak dapat dinafikan juga jika kita



mengatakan badan kehakiman ketika itu boleh dikatakan berada di bawah pengaruh Perdana Menteri, eksekutif dan kerajaan.

Melalui pindaan ke atas akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada tahun 1989 pula, badan kehakiman kehilangan kuasa untuk menyiasat bidang kuasa yang ada pada seseorang menteri. Oleh itu, Perdana Menteri dan pihak eksekutif mempunyai kuasa yang luas dan hampir tiada had. Hal yang demikian ini adalah kerana tiada pihak lain yang boleh menyekat sebarang kuasa yang ada pada pihak eksekutif atau dengan kata lain tiadanya "check and balance" antara bidang kuasa eksekutif oleh badan kehakiman. Melalui pindaan ke atas akta inilah menyebabkan Perdana Menteri dan pihak eksekutif dilihat bebas untuk melakukan apa sahaja dalam pentadbirannya kerana badan kehakiman mempunyai kuasa yang sangat lemah ketika itu. Badan kehakiman mempunyai kuasa yang sangat terhad untuk mendakwa bagi kes yang berkaitan dengan pihak eksekutif dan kerajaan. Atas faktor ini jugalah akta ini banyak digunakan untuk mematahkan pihak penentang Perdana Menteri termasuklah hakim sendiri yang tidak memihak kepadanya.

Hak kebebasan asasi dan aktiviti politik pula berkaitan dengan hak kebebasan untuk bersuara dan mengemukakan pendapat oleh hakim. Ketika itu, ruang kebebasan untuk bersuara dan mengemukakan pendapat oleh hakim yang mempunyai pendapat yang bertentangan dengan pemikiran Perdana Menteri dan pihak eksekutif dilihat cuba ditutup. Hakim tidak bebas untuk mengemukakan pendapat yang bertentangan dengan pihak eksekutif dan kerajaan. Kebimbangan tindakan undang-undang akan diambil jika mereka mengemukakan pendapat yang bercanggah dengan arah aliran pemikiran Perdana Menteri dan pihak eksekutif menyebabkan hakim lebih cenderung untuk tidak berlaku adil. Keadilan bagi sesuatu keputusan yang dibuat oleh hakim adalah diragui kerana keputusan hakim dikongkong oleh pihak eksekutif. Tiada "check and balance" dalam hal ini melainkan Perdana Menteri dan pihak eksekutif mempunyai kuasa yang sangat luas.

Malaysia merupakan sebuah negara yang majoriti rakyatnya mengamalkan ajaran Islam dan agama rasmi bagi negara ini adalah agama Islam, adalah tidak menjadi suatu kesalahan jika undang-undang syariah ingin dilaksanakan. Misalnya, tindakan Perdana Menteri yang meletakkan pelaksanaan undang-undang syariah sebagai suatu kesalahan jenayah adalah dilihat sebagai bercanggah dengan prinsip dan kandungan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan agama rasmi negara ini adalah agama Islam. Perkara ini juga dijadikan salah satu daripada pertuduhan dan laporan tribunal kedua ke atas Ketua Hakim Negara bagi alasan pemecatannya. Hal yang demikian ini dilihat akan menimbulkan reaksi yang negatif oleh orang Islam dan bukan Islam berkaitan pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini. Beliau juga tidak seharusnya menggunakan kuasa dan kedudukan Yang Di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja bagi kepentingan politik semata-mata. Kritikan dan serangan Perdana Menteri terhadap badan kehakiman menyebabkan sistem kehakiman menjadi lemah pada pandangan umum termasuklah dari pihak luar negeri. Hal yang demikian ini berkaitan dengan kualiti dan kredibiliti badan kehakiman itu sendiri. Hakim dan mahkamah seharusnya bebas daripada sebarang pengaruh luar termasuklah daripada golongan ahli politik.

Kesimpulan

Krisis Perlembagaan Persekutuan tahun 1988 benar-benar menggugat kebebasan badan kehakiman dan turut memberi implikasi yang besar kepada pihak yang terlibat di negara ini. Pindaan ke atas perlembagaan yang dilakukan oleh Perdana Menteri secara tidak langsung menghakis kuasa dan kebebasan hakim dan mahkamah dalam membuat keputusan. Merujuk kepada kandungan Perlembagaan Persekutuan, hakim diberikan kebebasan sepenuhnya bagi membuat keputusan mahkamah tanpa gangguan sama ada dari badan eksekutif atau badan perundangan. Dengan kata lain, tidak ada pihak yang berkepentingan boleh mempengaruhi keputusan hakim dalam membuat keputusan mahkamah. Pada tahun 1988, berlakunya krisis antara eksekutif dan badan kehakiman di Malaysia, iaitu dalam erti kata yang sebenar menggugat kuasa dan kebebasan kehakiman. Bidang kuasa kehakiman di pinda bagi meluaskan lagi kedudukan dan kuasa eksekutif. Dengan kuasa yang terhad, sistem kehakiman tidak mungkin akan dapat menjalankan fungsinya dengan baik dan adil.



Beberapa kes dan konflik yang berlaku antara kedua badan ini membawa implikasi kepada semua pihak yang terlibat ketika itu.

Penggantungan dan pemecatan hakim Mahkamah Agung berlaku pada era pemerintahan Perdana Menteri yang ke-4, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disimpulkan sebagai suatu penyekatan terhadap kebebasan kehakiman yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Pada ketika itu, pelbagai kisah yang membabitkan keputusan mahkamah yang kurang berpihak kepada eksekutif dan hal ini sangat tidak disenangi oleh Perdana Menteri. Eksekutif yang pada ketika itu dipimpin oleh Perdana Menteri Malaysia, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad menyimpulkan bahawa badan kehakiman telah mencabar eksekutif. Hakikatnya, krisis yang berlaku antara kedua-dua badan ini membawa kesan buruk kepada sistem kehakiman dan pihak yang terlibat serta kepada negara pada amnya.

Rujukan

- Berita Harian (1988, Februari 05). UMNO Diharamkan. *Berita Harian*, p. 1.
- Dewan Masyarakat (1987, Mei). Pecahan Bahagian UMNO. *Dewan Masyarakat*, p. 3.
- Far Eastern Economic Review* (1987) 7 Mei 1987.
- Lee, H.P. (1990). *May Day for Justice*. Bulletin of the Australian Society for Legal Philosophy. University of Melbourne.
- James, F. (2002). *Malaysian Judiciary: A Record*. Second Edition. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia Pte Ltd.
- Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan. (1997). *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kevin, Y.T. & Ann, T. L. (2010). *Constitutional Law in Malaysia and Singapore*. Singapore Lexis Nexis.
- Khairil Annas Jusoh. (2012). *Evolusi Kepimpinan 12: Transformasi Bitara Najib Razak (1976 sehingga 2009)*. Kuala Lumpur: Kasturi Jingga Corporation Sdn. Bhd.
- Lajnah Penerangan dan Dakwah. (1989). *Islam, Kehakiman dan Kediktatoran: Kes Tun Salleh Abas*. Kuala Lumpur: Pemuda.
- Laporan Panel Tokoh Terkemuka Untuk Mengkaji Semula Krisis Badan Kehakiman 1988 di Malaysia. Kuala Lumpur, 26 Julai 2008.
- Malaysia Kita*. Petaling Jaya. International Law Book Services. 2005.
- Muhammad Takiyuddin Ismail. (2011). *Konservatisme Dalam Politik Umno*. JEBAT UKM. Vol. 38 (1).
- New Straits Times (1988, February 05). UMNO Banned. *New Straits Times*, p. 2.
- Tribunal Establishment. (1988, June 22). *New Straits Times*, p. 2.
- Param Cumaraswamy. (1988). *A Synopsis of Sequence of the Events Leading to the Suspension and Dismissal of Tun Salleh Abas as Lord President and Suspension of the Five Supreme Court Judges of Whom Two Were Dismissed*. Seminar on the Independence of the Judiciary. 4th - 5th November 1988. (pp. 1-14). Kuala Lumpur, Malaysia.
- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 17 Mac 1988*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-17031988.pdf>
- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 18 Mac 1988*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-18031988.pdf>
- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 27 Jun 1988*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-27061988.pdf>
- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 08 Julai 1988*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-08071988.pdf>
- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 11 Oktober 1988*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-11101988.pdf>
- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 02 November 1988*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-02111988.pdf>
- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 04 November 1988*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-04111988.pdf>
- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 15 November 1988*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-15111988.pdf>
- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 05 Disember 1988*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-05121988.pdf>



- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 06 Disember 1988*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-06121988.pdf>
- Parlimen Malaysia. (1988). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 14 Disember 1989*. Dirujuk daripada <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-14121989.pdf>
- Perlembagaan Persekutuan. (2006). Kuala Lumpur : Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia.
- Perlembagaan Persekutuan (2017, Julai 16). Dirujuk daripada <http://www.lawnet.com.my/LawNet/Public/LawLibrary/SubDocumentDetails.aspx?SubDocumentID=25964>.
- Peter Alderidge Williams. (2008). *Judicial Misconduct*. Kuala Lumpur: 21st Century Strategic Studies.
- Rais Yatim. (1994). *The Rule of Law and Executive Power in Malaysia: A Study of Executive Supremacy*. (Doctoral Dissertation, University of London). London.
- Raja Aziz Adrusse. (1990). *Conduct Unbecoming*. Kuala Lumpur: Walrus Book.
- Tugas dan Peranan PM. (2016, September 04). *Sinar Harian*, p. 4,
- Surat daripada Kamar Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung Malaysia, (1988). *Kritikan Badan Eksekutif Kepada Kehakiman*. Kuala Lumpur.
- Tengku Mahmood Tengku Ismail. (1989/1990). *Krisis Sepanjang Sejarah UMNO Khususnya di Sekitar Tahun 1987*. (Disertasi Kedoktoran), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Bashir Ahmad Mallal. (1987). *Public Prosecutor v. Dato' Yap Peng*. Vol. 2. The Malayan Law Journal. No. 186 (11). 311-330.
- Tun Salleh Abas (1989). *Kebebasan Kehakiman: Singa di Bawah Takhta di Jerat (Satu Kezaliman)*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- Tun Mohamed Salleh Abas & Das, K. (1989). *May Day for Justice: The Lord President Version*. Kuala Lumpur: Magnus Books.
- Akta Pertubuhan 1966 Akta 335. (1966). Bahagian 17. Undang-Undang Malaysia. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.
- Interpretasi Kehakiman Dalam Perlembagaan Persekutuan. (1988, Mac 18). *Utusan Malaysia*. p. 2.
- Utusan Melayu (1988, Jun 22). 5 Dakwaan Ringkas Terhadap Ketua Hakim Negara. *Utusan Melayu*, p. 3).
- Utusan Melayu (1988, Julai 07). 5 Hakim Mahkamah Agung Digantung Tugas. *Utusan Melayu*, p. 3.
- Zulkafli Mansor. (1988/89). *Krisis UMNO 1988: Tinjauan Terhadap Punca dan Penyelesaiannya*. (Disertasi Kedoktoran), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

